



Headline: Warga emas rugi RM48,340 selepas ditipu 'pegawai bank' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 19 September 2021

Section: Tempatan
Page: 2

Warga emas rugi RM48,340 selepas ditipu 'pegawai bank'

Mangsa hanya menurut arahan hingga terima notifikasi transaksi

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Seorang lelaki warga emas mengalami kerugian RM48,340 selepas ditipu 'pegawai bank' pada 6 September lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Padawan DSP Lim Jaw Shyong berkata, mangsa, 60, dari Taman Matang Jaya pada mulanya menerima mesej mengatakan kad kreditnya telah digunakan untuk pembelian dalam talian berjumlah RM2,639.10.

Menurutnya, mangsa kemudian diminta menghubungi satu nombor yang kononnya nombor milik Bank Negara dan telah dijawab oleh seseorang mendakwa dirinya pegawai bank.

"Pegawai bank tersebut kemudian memberitahu kad

“Mangsa hanya menurut sahaja arahan kerana percaya kata-kata pegawai bank tersebut bahawa akaun banknya akan dibekukan sementara agar tidak ditipu pihak lain.”

DSP Lim Jaw Shyong
Timbalan Ketua Polis Daerah Padawan

kredit tersebut telah didaftarkan di Mid Valley, Kuala Lumpur dan dia kemudian meminta semua butiran bank, kad kredit dan kad debit milik mangsa.

"Mangsa hanya menurut sahaja arahan kerana percaya kata-kata pegawai bank tersebut bahawa akaun banknya akan dibekukan sementara agar tidak ditipu pihak lain,"

katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, suspek kemudian turut meminta maklumat berkenaan akaun bank dalam talian milik mangsa termasuk Kod Pengesahan Transaksi (TAC) yang diterimanya.

"Setelah memberikan semua butiran tersebut, mangsa telah menerima mesej notifikasi menyatakan terdapat

transaksi pindahan wang daripada akaun mangsa.

"Anggaran kerugian yang dialami oleh mangsa adalah sebanyak RM48,340," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan.

"Jika didakwa dan didapati bersalah boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun, sebat dan boleh juga dikenakan denda," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung sindiket penipuan ini boleh salurkan melalui WhatsApp atau SMS ke talian 013-211 1222 atau layari portal rasmi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil di alamat ccid.rmp.gov.my.